

BAB 5 PERANAN AGAMA ISLĀM DALAM PERUBAHAN TAMADUN MELAYU

Sebelum kedatangan Islām ke ‘Ālam Melayu, masyarakat Melayu sudah mempunyai tamadun tersendiri berdasarkan kepada peradaban Melayu kuno dan Hindu-Buddha. Namun begitu, selepas kedatangan Islām tamadun Melayu mengalami satu perubahan yang lebih mantap dalam aspek ‘aqīdah, ‘ibādah, akhlāq, mu’āmalat, ‘ādaṭ dan norma, politik dan pendidikan. Keadaan ini didasari syar‘at Islām yang berlandaskan al-Qur’ān dan Ḥadīth.

5.1 ‘AQĪDAH⁶⁷

Secara ‘umumnya, ‘aqīdah merupakan aspek ajaran Islām yang berkaitan dengan häl keimanan, kepercayaan yang mencakupi bidang ketuhanan, kenabian, ‘ālam ghāib seperti malāikat, roh, syātīn dan ‘ālam akhirat. Dengan kata lain, Imān adalah dasar ‘aqīdah atau kepercayaan orang Islām yang tetap sebagaimana yang diajarkan Islām dan tidak mungkin dipinda atau dirubah mengikut tempat atau zaman. Justeru itu, nyata bahawa orang yang beriman hendaklah juga menjadi orang yang ber‘amal kerana ‘amal-‘amalnya membuktikan keimanannya.

⁶⁷ ‘Aqīdah dalam bahasa ‘Arab bermaksud simpulan. Ia berasal dari perkataan aqdun, aqīdatun. Ringkasnya ‘aqīdah adalah simpulan Imān (Ensiklopedia Islām, 1998: 232). Menurut iṣṭilāh agama, bermaksud kepercayaan wujudnya Tuhan Yang Maha Esa yang tidak ada sekutu bagiNya yang bersifat dengan segala sifat kesempurnaan, kesucian, kebesaran dan keadilan yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang yang menyediakan pahala (ganjaran) bagi hambaNya yang soleh dan menyediakan ‘azab bagi hambaNya yang engkar dan durhaka (Bukhari Saaduddin Tuanku Muda, 1979: 9).

Kesimpulannya, kedatangan Islām telah membawa satu transformasi kepercayaan iaitu ‘aqīdah dan keyaqinān seluruh jiwa terhadap keesaan Allāh s.w.t. Keadaan ini berbeza dengan zaman sebelum kedatangan Islām, di mana masyarakat Melayu hanya mempercayai kepercayaan-kepercayaan berkoncepcian taḥayul, mitos dan khayalan semata-mata yang berdasarkan ajaran animisme, dinamisme dan Hindu-Buddha.

Setelah kedatangan Islām, masyarakat Melayu secara evolusi mula menerima haqīqat bahawa Islām membawa ajaran yang benar berlandaskan al-Qur’ān dan Ḥadīth. Pembaharuan dan pengaruh besar yang dibawa oleh Islām ke ‘Ālam Melayu ialah perubahan pegangan agama bagi masyarakat di rantau ini daripada agama *animisme*, *dynamisme* dan Hindu-Buddha kepada agama Islām. Penganut agama *animisme* dan *dynamisme* percaya kepada semangat atau roh, manakala penganut Hindu-Buddha percaya kepada tuhan berhala dan mempunyai banyak tuhan. Kedatangan Islām pula telah membawa kepada kepercayaan Tuhan Yang Maha Esa iaitu Allāh s.w.t. Sebagaimana firman Allāh s.w.t.:

Katakanlah Allāh itu Maha Esa. Allāh itu tidak meminta. Tidak beranak dan tiada diperanakkan (beribu-bapak). Dan tiada seorang pun yang serupa dengan Dia.
(Terj., Sūrah Al-Ikhlas: 1-4).

Dalam ajaran Islām, ideologi dibentuk berdasarkan *rukun Islām*⁶⁸ dan *rukun Imān*⁶⁹. Kesemuanya itu terpancar melalui ‘amalan ṣoleḥ seseorang hamba Allāh s.w.t. bagi mendapatkan keredaan Allāh s.w.t. semata-mata. Unsur-unsur Islām ini telah menjadi

⁶⁸ Rukun Islām terbahagi kepada lima bahagian iaitu mengucap dua kalimah syahādat, mengerjakan sembahyang, mengeluarkan zakāt, puasa di bulan Ramadān dan menunaikan haji ke Bait Allāh.

⁶⁹ Rukun Imān terbahagi kepada enam bahagian iaitu percaya kepada Allāh s.w.t., percaya kepada malaikat-malaikat, percaya kepada kitāb-kitāb yang diturunkan Allāh, percaya kepada Rasul-rasul yang diutus Allāh, percaya kepada Hari Qiāmat dan percaya kepada Qada’ dan Qadar.

asas dan dasar bimbingan kepada masyarakat Melayu Islām. Kepercayaan ini merupakan suatu *haqīqat* yang sebenarnya berdasarkan pemikiran yang rasional, idealistik dan berpandangan universal. Häl ini, berbentuk metafizik di mana roh keagamaan yang bersifat intelektual dan ‘aqliyyah telah membuka minda masyarakat ‘Ālam Melayu untuk menilai dan menghayati Islām yang sebenar. Secara tidak langsung, Islām telah membawa satu proses perubahan falsafah hidup masyarakat Melayu yang sebelum ini amat menitik beratkan soal khayalan, dongeng, ‘ālam ghāib, dewa-dewa dan sebagainya kepada pemikiran yang rasional dan intelek yang mengikut peraturan-peraturan tertentu (Hj. Dasuki Ahmad, 1982: 540-541).

Dalam erti kata lain, perubahan ini termasuklah perubahan jiwa⁷⁰ dan wajah⁷¹ bagi masyarakat Melayu Islām. Perubahan tersebut dijelaskan oleh Prof. S.M.N al-Attas (1969, Op cit: 7), sebagai *transforming both the soul and the body of the Malay-Indonesia society*. Perubahan ini telah memberi jalan kepada umat Islām untuk menjadi sebaik-baik umat yang berusaha menghargai *ṣifat ahsanu taqwīn* yang mempunyai sikap dan tablīṭ menghargai ‘aqal fikiran.

Sejajar dengan itu, Islām bukan hanya mengajar umatnya dari segi ‘aqīdah tetapi ia meliputi seluruh aspek kehidupan mereka. Sifatnya sebagai agama yang *syūmul* cukup mendasari semua bidang di dalam ruang lingkup yang dibenarkan oleh syarf’at. Ertinya ‘aqīdah Islām jelas menunjukkan bahawa ia tidak mempunyai sebarang persamaan dengan agama-agama lain di ‘Ālam Melayu. Di samping itu, Islām juga mendidik umatnya mempelajari, memahami dan menanamkan kepercayaan tentang wujudnya

⁷⁰ Perubahan jiwa bermaksud perubahan dari segi kepercayaan, sikap, *ṣifat* dan pemikiran.

⁷¹ Perubahan wajah bermaksud perubahan dari segi kebudayaan, sosial, ekonomi, pentadbiran dan politik.

kerasulan, mengetahui ‘ālam ghāib seperti wujudnya malaikat, roh, syāitān. Selain itu, adanya ‘ālam akhirat, hari pembalasan yang ‘adil, seperti adanya pembalasan syurga untuk orang yang mengerjakan kebaikan dan neraka untuk orang yang bergelumang dengan dosa. Dengan demikian, barulah manusia dapat diajak untuk melakukan kebaikan dan meninggalkan keburukan, kerana mengetahui dan memahami setiap perbuatan ada pembalasannya. Kepercayaan ini perlu ditanamkan lebih dahulu supaya dapat memberi keyaqinan yang teguh kepada seluruh umat Islām. Malahan proses penanaman ‘aqīdah Islām di kalangan orang Melayu Islām telah diserapkan dalam pelbagai cara sama ada diceritakan melalui cerita-cerita kisah-kisah nabi, atau mengetengahkan melalui cerita-cerita baru yang berunsurkan Islām atau sebagainya.

Melihat kepada beberapa persoalan dan permasalahan di dalam masyarakat Melayu Islām kini, jelas sudah bahawa peranan Islām telah membawa banyak perubahan terhadap kepercayaan kepada Allāh s.w.t., malaikat-malaikat, kitāb-kitāb dan sebagainya. Malangnya, dalam memahami dan menghayati ‘aqīdah Islām yang sebenar, terdapat sebilangan masyarakat Islam kini bersikap sambil lewa terhadap ajaran Islām. Sememangnya mereka mempercayai kewujudan Allāh s.w.t. tetapi mereka enggan mematuhi dan mengamalkan ajarannya. Apa yang lebih mendukacitakan, ialah masih ada masyarakat Melayu Islām yang tidak langsung mempraktikkan ajaran Islām. Anggapan mereka bahawa agama Islām mengongkong dan tidak mengikut perkembangan semasa.

Selain itu, tindakan masyarakat Melayu Islām sendiri yang tidak mahu menghayati cara hidup Islām yang sebenarnya dan sering berpecah sesama sendiri. Contohnya, satu pihak menekankan soal ‘aqīdah sahaja dan menganggap aspek-aspek lain tidak penting.

Sementara pihak yang lain pula hanya menumpukan aspek peribadatan yang khusus seperti solat, puasa, haji dan sebagainya tanpa menghiraukan aspek-aspek kemasyarakatan dan pembangunan. Dan ada juga pihak yang terlalu liberal sehingga tindakan dan pemikirannya terlepas dari ikatan Islām. Ketidak seragaman pemikiran inilah yang menjadi permasalahan pokok kepada perkembangan Islām di negara ini khususnya di ‘Ālam Melayu.

Selain itu, sebilangan kecil masyarakat Melayu Islām kini masih mengamalkan kepercayaan-kepercayaan karut yang bertentangan dengan ‘aqīdah Islām. Contohnya, mereka masih mempercayai bomoh atau pawang atau dukun sebagai perantara kepada roh-roh bagi mendapatkan pertolongan dan kebahagiaan hidup mereka. Oleh itu, timbulah ‘ādat untuk menjamu atau memuja semangat demi untuk keselamatan, kesejahteraan dan sebagainya (*Ibid*).

Bertitik tolak daripada inilah, tidak dapat tidak ‘aqīdah merupakan satu kepercayaan yang cukup penting dalam memberi bimbingan dan garis panduan bagi masyarakat Islām supaya senantiasa berada di landasan yang betul berasaskan kepada al-Qur’ān dan Ḥadīth. Dalam erti kata lain, ‘aqīdah adalah senjata rahsia dalam jiwa manusia yang sentiasa membawa manusia ke jalan yang direraqi oleh Allāh s.w.t.

5.2 ‘IBĀDAH⁷²

Keyakinan dan kepercayaan kepada *Tāwhīd* telah membawa masyarakat Melayu memahami dan menghayati erti sebenarnya ‘ibādah. Seperti mana yang diketahui ‘umūm, ‘ibādah merupakan suatu tuntutan yang perlu dilaksanakan oleh semua umat Islām. Secara lebih terperinci, ‘ibādah terbahagi kepada dua bahagian pokok yang utama, iaitu ‘ibādah manusia yang berhubung dengan Allāh (*habl min Allāh*) dan ‘ibādah manusia yang berhubung dengan manusia (*habl min al-Nās*). Dalam ḥāl ini, Islām telah menitik beratkan seluruh umatnya agar sentiasa ber‘ibādah kepada Allāh s.w.t.. Dalam erti kata lain, senantiasa mengabdikan diri kepada Allāh s.w.t. dengan mentā’ati segala perintahNya dan menjauhi segala laranganNya. Umat Islām digalakkan sentiasa melakukan kebaikan sama ada melalui ‘amalan-‘amalan wājib yang dilakukan seperti berpuasa pada bulan Ramadān, sembahyang sehari lima waktu, menunaikan haji, membayar zakāt dan sebagainya. Bahkan ‘amalan-‘amalan sunnah juga digalakkan seperti berdhikir, membaca al-Qur’ān, berpuasa sunat, bersedeqah dan sebagainya.

Selain daripada itu, masyarakat Islām digalakkan juga mempunyai hubungan dengan Allāh sahaja malah mempunyai hubungan sesama manusia demi untuk mendapatkan keredaan Ilahi. Umat Islām juga digalakkan ber‘ibādah sesama manusia dalam erti kata mempunyai hubungan yang baik dan saling bersaudara sesama manusia. Justeru itu, Islām menyuruh umatnya seimbangkan kehidupan baik di dunia mahupun akhirat. Sekiranya masyarakat Islām memberatkan salah satu daripadanya, maka akan pincanglah kehidupan mereka.

⁷² Suatu perbuatan berbentuk pengabdian seorang hamba kepada TuhanYa iaitu memperhambakan diri kepada Allāh dengan mentā’ati dan melaksanakan segala perintah dan suruhanNya serta menjauhi segala larangannya kerana Allāh semata-mata (Ensiklopedia Islam, 1998, Op cit: 231).

Dalam hubungan manusia dengan manusia (*habl min al-nās*), Islām mengajar umatnya supaya sentiasa mempunyai hubungan baik sesama manusia. Tidak ada permusuhan antara mereka. Contohnya mempunyai akhlāq yang baik dan sentiasa tolong-menolong sesama manusia, ziarah-menziarahi ketika sakit dan sebagainya. Sedangkan pada zaman Hindu-Buddha, masyarakat Melayu mempunyai lapisan atau peringkat yang dipengaruhi oleh sistem *kasta*. Orang yang paling tinggi adalah golongan raja atau bangsawan. Manakala yang paling rendah adalah golongan petani dan buruh. Keadaan ini telah menyebabkan berlakunya diskriminasi di dalam masyarakat. Justeru itu, kedatangan Islām telah merubah pemikiran masyarakat Melayu sebelum ini yang sentiasa ditindas dan dihina oleh golongan yang mempunyai kedudukan dan pengaruh sama ada dari segi politik ataupun ekonomi.

Namun begitu, sebagai manusia biasa, sudah tentulah umat Islām tidak terkecuali daripada melakukan kesilapan. Justeru itu, Islām mengajar umatnya senantiasa memohon kemaafan kepada Allāh s.w.t. dengan bertaubat supaya tidak akan mengulangi lagi perbuatan yang tidak baik. Selain itu, Islām juga mengajar umatnya supaya sentiasa bermunajat, berdo'a agar hidup sentiasa dipelihara dan dirahmati Allāh selalu. Bagi mencapai sesuatu ḥajat, umat Islām digalakkan berdo'a di samping berusaha dan akhirnya bertawakkal kepada Allāh s.w.t.

5.3 AKHLĀQ⁷³

Perkataan akhlāq adalah berbeza dengan etika (*ethics*), yang berasal dari perkataan Greek ‘*ethos*’ yang bermaksud nilai. Ia juga berbeza dari moral yang bererti tingkah laku yang ditentukan oleh etika sama ada baik atau sebaliknya (Richard T.Garner, 1986: 160). Akhlāq bersifat universal yang memberi pengertian segala tingkah laku seseorang individu yang membentuk seluruh hidup mereka. Ia mencakupi tata susila manusia dalam semua bidang termasuklah politik, ekonomi dan sosial. Oleh sebab itu, akhlāqlah yang menentukan hala tuju setiap individu dengan berpaksikan kepada ajaran Islām.

Sesungguhnya, kedatangan Islām telah menggalakkan umatnya berakhlāq mulia bukan sahaja terhadap Allāh s.w.t. bahkan sesama makhluk di muka bumi. Islām mengajar manusia supaya mempunyai akhlāq yang baik seperti jujur, amanah, menghormati orang tua, ikhlās, bertanggungjawab, merendah diri, *istiqāmah*⁷⁴ dalam apa jua keadaan dan sebagainya. Sedangkan akhlāq yang tidak baik seperti sompong, hasad dengki, marah, tidak jujur, benci dan sebagainya amat dicela oleh Islām. Rasūl Allāh s.a.w pernah menjelaskan bahawa beliau telah diutuskan untuk menyempurnakan akhlāq yang mulia kepada umatnya.

Konsep akhlāq amat bersesuaian dengan kehidupan masyarakat Melayu yang mempunyai tatasusila, ādab dan sopan. Ungkapan yang biasa digunakan oleh masyarakat Melayu ialah *budi bahasa*. Oleh sebab itu, masyarakat Melayu Islām sebelum ini dianggap sebagai bangsa yang bermaruah, berhemah dan berakhlāq tinggi.

⁷³ Akhlāq berkait dengan sikap dan tingkah laku seorang Muslim terhadap Allāh s.w.t., sesama manusia dan 'ālam. Dalam Islām akhlāq terbahagi kepada dua bahagian iaitu akhlāq terpuji dan akhlāq tercela (Ibid: 1998: 229).

⁷⁴ Istiqāmah ialah usaha menahan kehendak nafsu yang negatif dan mendorong kehendak positif. Usaha ini hendaklah berterusan dengan adanya kesungguhan sama ada fizikal dan spirituul (Ibid).

Kedatangan Islām memperlengkapkan lagi akhlāq secara menyeluruh berasaskan akhlāq Islam. Dalam ḥäl ini, akhlāq bukan sesuatu barang yang boleh dijual beli, bahkan ia mempunyai hubungan yang erat dengan jiwa, perasaan dan pemikiran. Contoh akhlāq terpuji seperti bersyukur terhadap segala anugerah Allāh s.w.t. dan sabar terhadap dugaanNya, mentaati perintahNya dan menghindari laranganNya. Di samping itu, umat Islām digalakkan berbuat baik sesama manusia dan memelihara kehidupan di sekitarnya. Contohnya, bersikap tolong menolong sesama Islām, sentiasa memberi kemaafan sekiranya berlaku pertelingkahan atau perselisihan faham.

Namun demikian, keadaan masyarakat Melayu Islām kini telah berubah memandangkan pengaruh luaran seperti budaya Barat, keadaan persekitaran, media massa dan cetak dan sebagainya turut mempengaruhi mereka. Keadaan demikian berlaku adalah disebabkan mereka tidak menghayati ajaran Islām yang sebenar. Lalu dengan mudah mereka terpengaruh dengan budaya-budaya liar yang bertentangan dengan ajaran Islām.

Akhir-akhir ini, nilai-nilai akhlāq dalam membentuk sahsiah Islāmiyyah di dalam kehidupan seharian semakin dipinggirkan oleh masyarakat Melayu Islam terutamanya para remaja. Malahan, mereka lebih mementingkan kehidupan sosial yang tidak bermoral. Akibatnya, tuntutan material lebih dipentingkan berbanding tuntutan spirituul (jiwa) yang berasaskan kepada nilai-nilai murni. Ini ditambah pula oleh faktor ekonomi yang tidak stabil telah mendesak mereka bersikap sedemikian. Contohnya, mereka sanggup melakukan perbuatan yang tidak bermoral seperti melacur atau menjual kehormatan, bersekedudukan tanpa nikah, menggugurkan bayi, menipu, berjudi dan sebagainya.

Justeru itu, untuk mengelakkan masyarakat Melayu Islam dari terlibat dalam keadaan demikian, mereka hendaklah kembali kepada ajaran Islām dengan mempraktikkan ‘aqīdah, ‘ibādah dan akhlāq seperti yang dituntut oleh Islām.

5.4 MU‘ĀMALAT⁷⁵

Mu‘āmalat merupakan suatu tuntutan yang digalakkan oleh Allāh s.w.t. bagi umatNya. Perkara yang diperlukan ialah hubungan antara manusia dengan manusia. Dalam hubungan ini, Islām telah menjelaskan unsur-unsur yang baik dan buruk seperti yang terdapat di dalam al-Qur’ān dan Ḥadīth. Rasūl Allāh s.a.w telah menyatakan di dalam hadīthnya:

Sesungguhnya yang halāl itu nyata dan yang harām itu pun nyata.⁷⁶
(Terj. Ḥadīth Riwāyat Bukhārī dan Muslim)

Berdasarkan ḥadīth di atas, jelas bahawa Islām mengharamkan ribā’ dan menghalalkan jual beli. Islam telah mengharamkan ribā’ adalah disebabkan wujudnya kesan negatif seperti mendapat keuntungan yang berlebihan tanpa berusaha bersungguh-sungguh, timbulnya permusuhan antara manusia dan melalaikan kewajipan terhadap Allāh s.w.t. Di samping itu, hikmah Allāh s.w.t. mengharamkan ribā’ adalah kerana amalan ini lebih menguntungkan satu pihak daripada menindas pihak yang lain. Ertinya, yang kaya bertambah kaya manakala yang miskin bertambah miskin. Unsur-unsur ini bukan sahaja

⁷⁵ Mu‘āmalat adalah satu daripada hukum fiqh yang berhubung dengan perbuatan manusia mengenai harta seperti hukum jual beli, sewa menyewa, upah mengupah, pinjam meminjam dan sebagainya (Ibid: 80).

⁷⁶ Ahmad Muhd Shakir, t.t, Jil.1: 511.

membawa kepada perpecahan malah turut membawa kepada keruntuhan masyarakat. Sementara dalam urusan jual beli, Islām telah menghalalkannya. Dalam erti kata lain, Islām telah mengharamkan unsur-unsur penipuan. Contohnya, setiap individu hendaklah bersifat jujur sama ada secara zahīr mahupun bātīn. Ini kerana dasar Islām tidak bertujuan untuk menindas umat Islām malahan ia bertujuan untuk menolong antara satu sama lain dan dalam masa yang sama menjalankan ukhuwwah Islamiyyah.

Selain itu, Islām juga menggalakkan umatnya sentiasa berada dalam keadaan aman dan bahagia. Oleh sebab itu, Allāh s.w.t. mewajibkan umat Islām mengeluarkan zakāt fitrah, harta dan sebagainya adalah untuk membolehkan mereka yang kaya-raya dan berkemampuan membantu faqīr miskin supaya sama-sama dapat meniti mati kemudahan dan keselesaan hidup di dunia. Bahkan digalakkan bersedeqah bagi masyarakat Islām yang berkemampuan seperti faqīr miskin. Contohnya memberi makanan, pakaian, tempat tinggal dan sebagainya.

Malangnya, sebahagian masyarakat Melayu Islām kini, tidak lagi menghayati syari'at Islām dengan cara yang betul. Keadaan ini menyebabkan wujudnya percampuran antara yang halal dan harām semata-mata untuk mendapatkan keuntungan di dunia. Bahkan, masyarakat kini, berlumba-lumba untuk mendapatkan kekayaan demi kepentingan individu, keluarga, rakan dan sebagainya.

Namun begitu, ekoran daripada timbulnya kesedaran Islām yang mendalam di kalangan masyarakat Islām dan keprihatinan pihak kerajaan dan swasta di atas kecenderungan mereka, mereka diperkenalkan beberapa produk perbankan Islām seperti al-

*Mudārabah*⁷⁷, *al-Wadī'ah*⁷⁸, *al-Rahn*⁷⁹ dan sebagainya. Ini menunjukkan betapa Islām sentiasa mempunyai penyelesaian bagi setiap masalah sosial yang timbul dengan merujuk kepada al-Qurān dan al-Sunnah. Apa yang mendukacitakan kita ialah terdapat sebilangan masyarakat Islām kini yang tidak mahu menerima haqīqat bahawa Islām membawa kemajuan dalam semua bidang.

5.5 ‘ĀDAT⁸⁰ DAN NORMA⁸¹

Istilah ‘ādat berasal daripada bahasa ‘Arab yang bermaksud kebiasaan. Apabila dijadikan istilah Melayu, ia telah diberi makna yang lebih luas dan mendalam sehingga secara tradisi ia dapat disamakan dengan kebudayaan. Konsep ‘ādat dalam masyarakat Melayu bukan membawa maksud isti‘ādat atau upacara sahaja, tetapi sistem hidup yang menyeluruh termasuk sistem-sistem sosial, kepercayaan dan perundangan. Dari sudut kebudayaan pula, istilah ‘ādat memberi erti peraturan yang telah ditetapkan oleh sesuatu masyarakat yang harus dipatuhi, malah dalam aspek-aspek tertentu ‘ādat berfungsi sebagai undang-undang masyarakat yang tidak tertulis atau termaktub sebagai undang-undang (Asmad, 1990, Op cit: 8).

⁷⁷ *Al-Mudārabah* ialah perkongsian untung antara pihak bank dengan pemodal. Kontrak ini berdasarkan prinsip kongsi untung iaitu apabila seseorang individu memberikan modalnya kepada bank untuk digunakan dalam perniagaan.

⁷⁸ *Al-Wadī'ah* ialah sejenis perniagaan yang membolehkan seseorang itu menyimpan barang-barang di bawah penjagaan pihak bank tanpa dikenakan sebarang faedah. Penyimpan tidak berhak untuk menerima keuntungan, tetapi berhak menerima pulangan yang diberikan oleh pihak bank.

⁷⁹ *Al-Rahn* ialah sejenis gadaian yang membolehkan harta seseorang individu itu dipegang oleh penjamin (bank) bagi sesuatu hutang. Sekiranya pihak individu itu tidak dapat menjelaskan hutang pada tempoh yang ditetapkan, maka barang gadaian itu akan menjadi milik penjamin (bank).

⁸⁰ ‘Ādat merupakan peraturan yang sudah di‘amalkan turun temurun di dalam sesuatu masyarakat sehingga menjadi suatu peraturan yang harus dipatuhi (Teuku Iskandar, 1993, Op cit: 7).

⁸¹ Norma ukuran untuk menentukan sesuatu peraturan atau ketentuan yang telah menjadi kebiasaan yang dijangka akan dipatuhi oleh anggota masyarakat dan sebagainya (Ibid: 866).

Pada dasarnya ‘ādat’ terbahagi kepada tiga iaitu ‘ādat Isti’ādat⁸²’, ‘ādat Resam⁸³’ dan ‘ādat yang telah ter’ādat⁸⁴’. Secara ‘umumnya’ ‘ādat’ ialah suatu perbuatan atau perlakuan menurut kebiasaan masyarakat atau bangsa yang berkenaan. Bagi melaksanakan sesuatu ‘ādat’ ia harus dilakukan mengikut cara-cara atau susunannya tertentu.

Terdapat perbezaan kecil antara golongan-golongan masyarakat yang mengamalkan ‘ādat’. Keadaan ini berdasarkan kepada suasana tempat, pengaruh dan corak kehidupan serta pergaulan masyarakat sekeliling yang turut sama mempengaruhi cara perlaksanaan sesuatu ‘ādat’. Perbezaan di dalam perlaksanaan ‘ādat’ ini dapat dikesan di dalam ‘ādat isti’ādat’ perkahwinan masyarakat Melayu. Pakaian pengantin orang Melayu di Negeri Sembilan umpamanya berbeza dengan pakaian pengantin orang Melayu negeri Kedah, dan juga di tempat-tempat lain.

Perbezaan-perbezaan ini bukan hanya dapat dilihat pada bentuk pakaian malah ia berlaku juga pada bentuk upacara ‘ādat’ yang dilakukan (*Ibid*: 1-2). Contohnya, ‘ādat resam’ yang tetap diamalkan oleh masyarakat Melayu Islam seperti ‘ādat’ memilih jodoh, bertunang, persiapan untuk majlis perkahwinan, ‘ādat’ bertindik bagi kanak-kanak perempuan, ‘ādat’ berkhatan bagi kanak-kanak lelaki, kenduri-kendara dan sebagainya.

⁸² ‘Ādat isti’ādat’ ialah ‘ādat’ yang telah ditetapkan oleh sesuatu masyarakat yang harus dilakukan dengan sepenuhnya mengikut peraturan-peraturan tertentu (Asmad, 1990: 8).

⁸³ ‘Ādat resam’ ialah ‘ādat’ kebiasaan yang dilakukan dalam masyarakat dan sering pula mengalami perubahan demi perubahan (*Ibid*).

⁸⁴ ‘Ādat’ yang telah ter’ādat’ bermaksud ‘ādat’ kehidupan yang pasti dialami oleh setiap orang . ia juga dikenali sebagai hukum ‘Ālam’ (*Ibid*).

Kedatangan Islam ke ‘Ālam Melayu bagaimanapun, tidak menghapuskan ‘ādat-‘ādat tersebut secara terus menerus. Bahkan, Islam dapat mengadaptasi dan mengasimilasi ‘ādat-‘ādat tersebut dengan ajaran Islam. Sementara ‘ādat-‘ādat yang bertentangan dengan ajaran Islām pula sedikit demi sedikit dihapuskan. Bagi masyarakat Melayu, ‘ādat dan agama dikatakan seiring dan saling memerlukan antara satu sama lain. Agama Islām menyuruh umatnya berbuat baik dan menegah berbuat jahat. Manakala ‘ādat pula adalah untuk menghilangkan yang buruk dan menimbulkan yang baik (Asmad, 1990, Op cit: 92). Pepatah ‘ādat ada berbunyi:

*‘Ādat bersendikan Hukum
Hukum bersendi kitāb Allāh
Kuat ‘ādat, tak gaduh Hukum
Kuat hukum, tak gaduh ‘Ādat
Ibu hukum muafakat
Ibu ‘Ādat muafakat*

Maksudnya, segala perbuatan atau ‘ādat tidaklah bertentangan dengan agama. Hal ini menunjukkan bahawa agama dan ‘ādat saling berkaitan dan memerlukan dalam keadaan-keadaan tertentu. Kebiasaan ‘ādat yang baik akan membentuk individu berakhlaq mulia. Sebaliknya, ‘ādat yang buruk akan melahirkan individu yang tidak berakhlaq.

‘Ādat juga diistilahkan sebagai suatu cabang kebudayaan dan sifatnya tidak membeku. Dari masa ke semasa, ia mengalami perubahan demi perubahan. Proses perubahan berlaku secara beransur-ansur, tanpa disedari oleh masyarakat itu sendiri. Pada umumnya masyarakat akan menerima perubahan, sekiranya ia membawa kebaikan sekaligus tidak bertentangan dengan ajaran Islām.

Pada dasarnya, masyarakat Melayu mempunyai beberapa jenis ‘ādat. Antaranya ‘ādat Perpatih, ‘ādat Melayu atau ‘ādat Temenggung. ‘Ādat Perpatih kebiasaannya di‘amalkan oleh masyarakat Negeri Sembilan dan Wilayah Naning, Melaka. Sementara ‘ādat Melayu di‘amalkan oleh masyarakat Melayu selain daripada masyarakat yang disebut di atas. Sebenarnya ‘ādat Temenggung tidak pernah di‘amalkan oleh masyarakat Melayu atau raja-raja Melayu. Malahan penggunaan terminologi ‘ādat Temenggung disalah ertikan oleh sarjana-sarjana Barat sebagai berkaitan dengan ‘ādat-‘ādat Melayu. Oleh sebab itu, ‘ādat ini agak samar di kalangan masyarakat Melayu.

Walau bagaimanapun, di dalam masyarakat Melayu selain daripada yang berada di Negeri Sembilan dan Melaka, sememangnya sudah wujud ‘ādat Melayu yang tersendiri sejak zaman dahulu lagi. Sebahagian ‘ādat resam ini telah diwarisi daripada nenek moyang yang terdahulu. ‘Ādat istiadat pula kebanyakannya berasal dari kebudayaan Hindu (Abdullah Jumain Abu Samah, 1995 : 98-109).

‘Ādat Perpatih adalah sistem kemasyarakatan yang berdasarkan sistem nasab ibu (*matrilineal*), sedangkan sistem sosial Islām adalah berteraskan nasab bapa (*patrilineal*) (Norhalim Hj. Ibrahim, 1993: 3-4). Dalam sistem sosial masyarakat Melayu Islām, tidak menampakkan struktur pengelompokan kekeluargaan yang jelas. Keutamaan akan diberi kepada pihak lelaki dan ini bersesuaian dengan sistem keturunan Islām.

Walaupun demikian, masyarakat ini tidak pula mengetepikan begitu sahaja keturunan daripada pihak perempuan, malah hanya darjah pengiktirafannya yang berkurang sedikit daripada lelaki. Sedangkan masyarakat Negeri Sembilan yang meng‘amalkan ‘ādat Perpatih mengutamakan kepada nasab ibu. Walaupun mereka ini beragama Islam,

pengelompokan masyarakat iaitu di dalam hubungan kekeluargaan, penekanan adalah lebih kepada pihak ibu daripada pihak bapa (*Ibid*: 135).

Dalam ‘ādat Perpatih, struktur ekonomi, sosial, politik dan sebagainya cukup berbeza dengan sistem Islām. Struktur sosial masyarakat Negeri Sembilan dapat dikelompokkan kepada empat bahagian. Antaranya ialah *Suku*, *Perut*, *Ruang* dan *Rumpun*. Setiap bahagian ini mempunyai ketua dan pengikut-pengikut tersendiri. Manakala struktur organisasi politik mereka terbahagi kepada empat peringkat iaitu *Kadim*⁸⁵, *Besar*⁸⁶, *Buapak*⁸⁷ dan *Lembaga*⁸⁸.

Namun, dari masa ke semasa, pengaruh ‘ādat semakin berkurang. Hampir keseluruhan sistem dan susunan ‘ādat masyarakat Melayu kini diadaptasi dengan hukum-hukum dan ajaran Islām. Dalam hubungan ini, Islam tidak menghalang umatnya mengamalkan sistem ‘ādat-‘ādat ini, sekiranya ia tidak bertentangan dengan ‘aqīdah Islām.

Sebilangan masyarakat kini, semakin tidak mengenali seni ‘ādat masyarakat mereka. Unsur-unsur budaya Barat yang dianggap budaya moden telah lama mempengaruhi mereka. Perubahan yang nyata dapat dilihat terutamanya pada pakaian, perhiasan, pergaulan dan sebagainya.

Bagi masyarakat Melayu dahulu, mereka mematuhi ‘ādat serta menghormatinya dengan keyakinan bahawa melanggar ‘ādat dianggap sebagai suatu sikap atau perbuatan buruk dan ‘akibatnya akan merosakkan diri sekaligus mencemarkan kesejahteraan hidup

⁸⁵ Kadim adalah ketua kepada kelompok kekeluargaan rumpun.

⁸⁶ Besar adalah ketua kepada ruang.

⁸⁷ Buapak adalah ketua kepada perut.

⁸⁸ Lembaga adalah ketua kepada suku.

masyarakatnya. Selain daripada itu, ‘adat’ dikaitkan dengan kepercayaan ghāib dan mempunyai kuasa tertentu dalam mencorakkan kehidupan mereka. Di samping itu, terdapat juga ‘adat-‘adat’ rasmi yang menjadi peraturan atau undang-undang bagi pemerintahan atau sebagainya. Contohnya ‘adat’ isti‘adat’ perlantikan sultān atau raja yang memerintah, isti‘adat’ mengadap diraja, isti‘adat’ pengurniaan bintang-bintang diraja, isti‘adat’ perasmian persidangan dan sebagainya (Asmad, 1990, Op cit: 4-5).

5.6 POLITIK

Sebelum kedatangan Islām ke rantau ini, ‘Ālam Melayu sudah pun mengamalkan sistem pemerintahan beraja. Kerajaan-kerajaan Melayu sebelum Islām seperti Srivijaya, Gangga Negara dan Langkasuka pada dasarnya berteraskan sistem pemerintahan Hindu-Buddha. Raja dianggap sebagai penjelmaan daripada tuhan mengikut konsep devaraja. Islām memainkan peranan penting sebagai paksi yang merombak sistem politik dan ‘amalan pemerintahan di ‘Ālam Melayu. Ajaran Islām menjadi simbol penyatuan dalam memantapkan kuasa politik Islām di ‘Ālam Melayu.

Namun begitu, gambaran-gambaran positif seperti ini telah cuba dipolemikkan secara tidak sihat oleh warisan kolonial bagi tujuan untuk mengaburi pemahaman rakyat tempatan tentang peranan Islām. Uṣaha-usaha penjajahan adalah bertujuan untuk memisahkan agama Islām dari politik. Sebaliknya, mereka lebih cenderung menimbulkan sumbangan Islām dalam bidang kesusastraan, penulisan dan kesenian sahaja (Auni Hj. Abdullah, 1991, Op cit: ii).

Terdapat ciri-ciri perbezaan yang jelas menampakkan keunggulan sistem pemerintahan bersultan yang diperkenalkan oleh Islām. Antaranya ialah muftī sebagai penasihat kepada sultān dalam ḥāl ehwal yang berkaitan Islām. Selain itu, Islām juga mengubah mitos yang menganggap raja sebagai simbol dan punca kekuasaan sebenar seperti yang ditekankan oleh agama Hindu. Islām sebaliknya menjelaskan bahawa raja dan rakyat sama-sama bertanggungjawab kepada Allāh s.w.t. dan rakyat wājib menta'ati raja atau sultān sekiranya raja membawa mereka ke jalan yang direḍai oleh Allāh s.w.t.

Agama Islām telah membawa banyak perubahan dalam politik dan penta'biran masyarakat Melayu di mana gelaran raja telah ditukar kepada sultān atau 'ulamā'. Mereka merupakan orang yang diamanahkan untuk menta'bir sesebuah negeri seperti yang tergambar dalam *Sejarah Melayu*. Sultān disebut sebagai *zillu Allāh fī al 'Ālam* iaitu bayangan Allāh di dunia dan dipertanggungjawabkan memerintah rakyatnya dengan 'ādil dan sesuai dengan ungkapan "raja 'ādil raja disembah, raja zālim raja disanggah" (Rasid Muhammad, 1996: 133).

Walaupun konsep ini tidak sepenuhnya dilaksanakan di setiap negeri di 'Ālam Melayu, namun ternyata sudah nampak perubahan seperti sultān tidak lagi dianggap sebagai manusia suci seperti di zaman Hindu-Buddha. Sebaliknya sultān bertanggungjawab melaksanakan tugas sebagai ketua negara yang mutlak yang menjalankan undang-undang, penta'biran, menegakkan ke'adilan dan melindungi hak-hak rakyat. Walau bagaimanapun, sultān masih dianggap berdaulat dan mempunyai status lebih tinggi daripada undang-undang sehingga tidak boleh dihukum (Mohd. Jamil Mukmin, 1994, Op cit: 153).

Kedatangan Islām juga memperkenalkan gelaran baru kepada pemerintahan beraja di rantau ini. Raja-raja kerajaan Islām pada mulanya menggunakan gelaran ‘Mālik’ tetapi kemudiannya di tukar kepada Sultān yang penggunaannya lebih meluas dan diterima ‘umūm (Auni Hj. Abdullah, 1991, Op cit: 5). Selain itu, prinsip syūra yang menekankan semangat bermusyāwarah turut dipupuk di bawah sistem pemerintahan Islām. Prinsip ini dengan sendirinya dapat menolak ‘amalan pemerintahan Hindu yang meletakkan raja sebagai kuasa pemutus. Contohnya, kerajaan Samudera-Pasai, semasa pemerintahan Sultān al-Mālik al-Zāhir, beliau sering berbincang dengan para ‘ulamā’ mengenai soal agama bagi memantapkan jentera penta‘biran dan pemerintahannya (Ibid: 18).

Sebenarnya, dalam sejarah peradaban Islām di ‘Ālam Melayu terdapat banyak gambaran tentang ‘amalan-amalan pemerintahan dan aspek-aspek politik yang bertunjangkan ajaran Islām. Contohnya, kerajaan Melaka telah mengamalkan undang-undang Islām yang berdasarkan kepada *Undang-undang Melaka* atau *Hukum Qānūn Melaka* dan *Undang-undang Laut Melaka*.

Selain itu, Aceh dan Brunei juga mempunyai undang-undang yang berdasarkan undang-undang Islām. Syariah Islāmiyyah dikatakan begitu luas sekali dilaksanakan di dalam kerajaan-kerajaan Islām di ‘Ālam Melayu. Undang-undang jenayah Islām turut dilaksanakan seperti hukuman zīnā, mencuri, membunuh dan sebagainya. Sistem farāid (pembahagian pusaka menurut Islām) dilaksanakan di dalam pembahagian pusaka dan mu‘āmalat Islām juga di‘amalkan seperti dalam jual beli, nikāh kahwin dan lain-lain.

Sesungguhnya, perubahan sistem pemerintahan di ‘Ālam Melayu kepada sistem pemerintahan yang di bawa oleh Islām merupakan satu fenomena yang berlaku selari

dengan proses islamisasi di ‘Ālam Melayu. Perubahan ini dapat di lihat daripada segi kekuatan fizikal dan mental masyarakat Melayu Islam untuk menghadapi pelbagai ancaman bermula dengan ancaman dalaman pengaruh Hindu yang telah sedia ada telah berubah dan meningkat sehingga ke tahap menentang ancaman kuasa-kuasa penjajah Barat.

Dalam suasana perubahan seperti inilah, pemerintahan Islām semakin berkembang dan menjadi mantap. Ciri-ciri pemerintahan Islām diperkuatkan dan diubahsuaiakan mengikut keperluan masa dan tuntutan cabaran sehingga Islām diterima sebagai suatu sumber kekuatan dan kebanggaan. Kelahiran kerajaan-kerajaan Islām yang bermula daripada Samudera-Pasai (1042-1450), Perlak (840-1292), Melaka (1400-1511 M), Aceh (1511-1650), Brunei (akhir kurun ke-15), Patāñī (abad 15-19) dan Jawa (sekitar abad 15-16) sebagai kuasa politik yang dihormati dan disegani oleh kuasa-kuasa penjajah (Ibid: 21).

Kesedaran untuk menentang terhadap kuasa-kuasa penjajah Barat di ‘Ālam Melayu seperti Belanda dan Inggeris dikatakan merupakan cetusan secara langsung dari Islām. Islām yang bertanggungjawab melahirkan kesedaran dalam menyatupadukan mereka untuk berjuang ke arah mencapai kemerdekaan.

Selain itu, timbul pula konsep negara Islām. Isu ini hangat dibincangkan bukan hanya di ‘Ālam Melayu, bahkan seluruh dunia. Para pemimpin dan ahli cendekiawan Islām telah berbincang perkara-perkara yang berkaitan dengan konsep negara Islām. Di dalam al-Qur’ān tidak menyebut secara langsung tentang pembentukan negara Islām. Namun begitu, para ‘ulamā’ cuba memahami ayat-ayat al-Qur’ān yang ada kaitan dengan

kekuasaan Allāh s.w.t., nubuwwah, ketaatan, khalifah, imam, umat dan sebagainya.

Perkara ini dapat dijadikan asas teori kepada pembentukan negara Islām.

Dalam pada itu, sumber autoriti pembentukan negara Islām adalah berdasarkan al-Qur'ān dan Hadīth (<http://www.islam.gov.my>). Merujuk kepada konsep negara Islām yang dilaksanakan oleh Rasūl Allāh s.a.w. adalah sebuah *daulah madaniyyah* yang diperintah dengan cara Islām, berdiri di atas *bai 'ah* (perjanjian) dan *syurā* (persepakatan pendapat), memilih pemimpinnya dari kalangan mereka yang gagah, amanah, pemelihara dan bijaksana. Bagi sesiapa yang tidak mempunyai *sifat* demikian tidak layak untuk menjadi pemimpin kecuali dalam keadaan *darurāt* (terpaksa) (Ustadh Hj. Juanda Hj. Jaya [Terj.], 1998: 29-30).

Selain itu, hubungan 'ulamā' dengan negara tidak dapat dipisahkan. Oleh sebab itu, 'ulamā' berperanan memberi nasihat yang diwajibkan oleh Islām kepada pemimpin umat Islām. Juga wajib ke atas mereka untuk melakukan amar ma'rūf dan nahi mungkar. Dalam erti kata lain, politik dan agama tidak dapat dipisahkan. Sekiranya berlaku pemisahan antara keduanya, maka kedudukan politik sesebuah negara dalam keadaan tidak aman dan stabil.

Berdasarkan pandangan Dr. Yusuf al-Qardhawi (Ibid: 33) menyatakan bahawa, pembentukan negara Islām berdiri di atas tiga prinsip iaitu, kesatuan *Dār al Islām* adalah kesatuan sebuah negara untuk satu umat. Kedua, sumber rujukan undang-undang berdasarkan al-Qur'ān dan Ḥadīth. Ketiga, kesatuan kepimpinan pusat atau dikenali sebagai *al-Imām* merupakan orang beriman kepada Allāh s.w.t.

Sesungguhnya, negara Islām merupakan negara yang bertanggung jawab menjaga keamanan, menjamin keharmonian hidup masyarakat, menghalang daripada sebarang bentuk pencerobohan dan menghapuskan penindasan dengan pelbagai cara. Contohnya, Rasūl Allāh telah menjadikan negara Madīnah sebagai sebuah negara Islām dan menjadi contoh kepada seluruh umatnya.

Keadaan ini tidak bermakna masyarakat bukan Islām tidak boleh tinggal dalam negara Islām. Bahkan mereka bebas hidup selagi tidak menganggu keamanan dan ketenteraman awam. Mereka boleh menjalankan apa yang diperintahkan oleh agama mereka.

5.7 PENDIDIKAN

Dengan kedatangan Islām, proses pendidikan telah berubah kepada metod pendidikan yang berteraskan pendekatan ‘ilmiah dan rasional sejajar dengan tuntutan Islām. Islām telah berjaya membawa masyarakat Melayu keluar daripada pemikiran yang dibelenggu dengan kepercayaan taḥayul yang menyekat kebebasan manusia untuk berfikir secara logik.

Prof. S.M.N. al-Attas menjelaskan sesungguhnya sejarah telah membuktikan bahawa Islāmlah yang bertanggungjawab menghapuskan buta hurūf di kalangan masyarakat Melayu. Justeru itu, Islām bolehlah dikatakan bertanggungjawab dalam mengasaskan sistem pendidikan yang terawal di ‘Ālam Melayu.

Kedatangan Islām juga telah mencetuskan revolusi ke‘ilmuan di ‘Ālam Melayu. Ini dapat dikesan dengan tertubuhnya pusat-pusat pengajian ‘ilmu Islām seperti Samudera Pasai (1280-1400 M) yang menjadi tempat tumpuan para ‘ilmuwan di seluruh ‘Ālam Melayu. Selepas itu, pusat ke‘ilmuan telah berpindah kepada Melaka (1400-1511 M). Kemudiannya, Melaka telah menjadi pusat yang cukup terkenal dalam proses islamisasi ‘ilmu sehinggalah Melaka jatuh ke tangan Portugis pada tahun 1511 M.

Kemudian, Aceh pula mengambil alih usaha meneruskan tradisi ‘ilmu dan menjadi pusat perkembangan ‘ilmu pengetahuan sehingga berjaya melahirkan ramai tokoh-tokoh ‘ulamā’ yang cukup berkaliber dalam pelbagai bidang. Selain itu, Patānī, Brunei, Johor-Riau yang juga menjadi pusat perkembangan Islām.

Sejajar dengan itu, kedatangan Islām juga telah membawa perubahan kepada proses pendidikan. Di antara pusat pengajian yang penting ialah istana, masjid, madrasah dan pondok, rumah-rumah dan sebagainya. Istana dijadikan tempat untuk menimba ‘ilmu-‘ilmu Islām bagi golongan raja-raja dan guru-gurunya terdiri daripada ustadh-ustadh yang menjadi tenaga pengajar di situ. Contohnya, Istana Melaka yang menjadi tumpuan raja-raja Melaka seperti Sultān Mansūr Syah, Sultān ‘Alau al-Dīn Ria‘yāt Syah yang berguru dengan ‘ulamā’-‘ulamā’ Timur Tengah seperti Maūlānā Abu Bakar, Qādī Yūsūf dan sebagainya.

Pendidikan Islām untuk masyarakat Melayu boleh diklasifikasikan kepada beberapa peringkat. Bermula dari peringkat rendah sehingga atas. Peringkat awal sistem ini tidak formal. Ia bermula di rumah, di mana ibu bapa memainkan peranan penting sebagai guru kepada anak-anak mereka. Pelajaran yang diajar ialah mengenal āyat-āyat al-

Qur'ān dan perkara-perkara asas dalam Islām sahaja. Bagi ibu bapa yang kurang mahir dengan asas-asas agama, mereka akan menghantar anak-anak mereka ke rumah guru-guru agama yang berdekatan dengan rumah mereka.

Selain itu, masjid dan surau juga dijadikan sebagai pusat mempelajari 'ilmu-'ilmu agama. Sukatan pelajaran yang diajar di sini semakin luas seperti fiqah, tāwhīd, tajwīd dan lain-lain lagi. Seterusnya sistem pengajian Islām telah diperkenalkan di peringkat lebih tinggi iaitu di pondok-pondok. Guru-gurunya dikenali sebagai Tok Guru. Pelajar-pelajar di sini telah diajar 'ilmu-'ilmu yang lebih mendalam seperti Fiqah, Tāwhīd, Ḥadīth, Usūl al-Dīn, Tasawwuf dan sebagainya. Kebanyakan kitāb-kitāb yang digunakan adalah kitāb-kitāb lama yang asal dari 'Arab, Mesir dan lain-lain lagi yang menjadi bahan rujukan mereka.

Kemudian sistem pengajian ini dipertingkatkan lagi dengan penubuhan sistem pengajian di madrasah-madrasah dan akhirnya ke peringkat universiti-universiti seperti di Aceh, iaitu peringkat rendah bermula dengan madrasah atau *meunasah*, kemudian ke *Rangkang*, kemudian *Dayah*.

Pendidikan yang diperolehi meliputi perkara-perkara yang berhubung dengan agama Islām seperti Fiqah, Tāwhīd, Akhlāq, Bahasa 'Arab, al-Qur'ān dan sebagainya. Sistem pendidikan di pusat-pusat ini pada keseluruhannya tidak teratur. Walau bagaimanapun, sekarang ini ia telah banyak berubah dan menerima pembaharuan dan penyesuaian seiring dengan keadaan semasa serta menjadi satu institusi yang formal.

Para ‘ilmuwan dan ‘ulamā’ telah berperanan penting dalam merealisasikan ‘ilmu pendidikan Islām di ‘Ālam Melayu. Keadaan ini menyebabkan golongan ‘ulamā’ dan ‘ilmuwan mendapat tempat yang tinggi dalam masyarakat malah mereka menjadi rujukan kepada sultān dan pihak penta‘bir serta menggantikan peranan golongan bomoh, pawang atau dukun yang begitu penting di zaman sebelum Islām. Contohnya, Sultān Iskandar Muda Mahkota ‘Ālam mewasiatkan kepada bakal penggantinya seperti yang tercatat dalam Qānūn Aceh Dār al Salām, agar menghormati ‘ulamā’ dan mendampingi mereka. Antara lain Qānūn tersebut menyatakan:

“....Janganlah raja-raja menghina ‘ālim ‘ulamā’ dan ahli-ahli bijaksana”.
“....Dan demikian lagi raja-raja hendaklah sentiasa ia memandang sekalian ‘ulamā’, mesyuarat dengan ‘ālim ‘ulamā’ dan mendengar nasīhat ‘ulamā’
(Siddiq Fadil, dipetik dalam Rasid Muhammad, 1996:140).

Kelahiran ‘ulamā’-‘ulamā’ terkenal di Aceh seperti Syeikh Abd al-Raūf Singkel, Syeikh Nur al-Dīn al-Ranīrī, Hamzah Fansūrī dan Syāms al- Dīn al-Sumatrā’ī adalah tanda kepesatan perkembangan pendidikan Islām di ‘Ālam Melayu. Di Jawa, Walī Songo cukup memainkan peranan penting dalam menyebarkan da‘wah Islām seperti Sunan Kalijaga, Sunan Bonang, Sunan Kudus dan sebagainya. Sementara di Patānī Syeikh Dāwūd al-Fatānī, Syeikh W. Ahmad Muhd. Zāin bin Mustafā al-Fatānī dan lain-lain menjadi tonggaknya.

Bukan itu sahaja, malah para ‘ulamā’ ini juga berjaya menghasilkan karya-karya ‘ilmiah dalam pelbagai bidang termasuklah Fiqah, Tasawwuf, Mantik, Perubatan, Sejarah, Kimia dan sebagainya. Terdapat pelbagai bentuk karya-karya mereka seperti yang telah dijelaskan dalam bab kedua sebelum ini.

Ringkasnya, ‘Ālam Melayu telah mengalami revolusi yang menyeluruh dalam bidang perkembangan Islām dengan begitu pesat sehingga berjaya melahirkan pusat-pusat pengajian dan tokoh-tokoh ‘ulamā’ yang terkemuka di ‘Ālam Melayu.

Islām juga telah menimbulkan semangat berlumba-lumba untuk mencari ‘ilmu pengetahuan. Pelajaran dan pendidikan yang dibawa oleh Islām telah berjaya mengubah cara berfikir mereka kepada yang lebih positif dan rasional serta sekaligus mempercepatkan kemajuan mereka di dalam pelbagai bidang kehidupan mereka.

Kemudian, satu sistem pelajaran dan pendidikan agama yang teratur telah dapat diwujudkan yang bermula di masjid, surau dan rumah dan akhirnya telah melahirkan sistem madrasah yang lebih praktikal di samping sistem pengajian cara pondok. Dalam sistem madrasah, mata pelajaran Islām tidak hanya tertumpu kepada soal-soal ‘ibādat, tāwhīd semata-mata tetapi lebih komprehensif dengan memasukkan mata pelajaran lain seperti bahasa ‘Arab, ‘ilmu Ḥisāb, Sains dan sebagainya. Sistem pelajaran ini cukup penting dan menjadi asas bagi masyarakat Melayu Islām untuk mendapatkan pendidikan agama. Dari asas inilah pendidikan agama telah diselaraskan dengan pelajaran akademik yang wujūd pada hari ini dari peringkat rendah hingga ke universiti.

S.M.N. al-Attas (1999, Op cit: 3-4) menjelaskan bahawa Islām membawa pengaruh yang amat besar, mendalam dan meluas di ‘Ālam Melayu sehingga berjaya mencabut akar umbi pengaruh Hindu-Buddha. Keadaan ini telah membawa satu perubahan dan menjadi satu zaman baru yang di anggap sebagai zaman moden terhadap tamadun ‘Ālam Melayu bukan sahaja dari segi fizikal malah juga spirituul.

Jelaslah bahawa Islām telah menggalakkan proses pembelajaran dan mendapatkan ‘ilmu pengetahuan kepada seluruh peringkat masyarakat bagi mendapatkan pendidikan yang berintegrasikan kesepadanuan ‘ilmu-‘ilmu dalam semua bidang termasuklah agama, falsafah, bahasa, sains, ekonomi dan sebagainya.

Hasil dapatan daripada perbincangan di atas, jelas menunjukkan bahawa agama Islām telah membawa perubahan yang cukup dinamis terhadap tamadun Melayu. Ia terangkum dalam aspek-aspek ‘aqīdah, ‘ibādah, akhlāq, mu‘āmalat, politik, ‘ādat dan norma dan sebagainya.